

# Elak rakyat merungut: PM

BH - 6/2/2007

## Pegawai diarah turun padang pastikan projek pembangunan tak tergendala

Oleh Kadir Dikoh

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam meminta semua pentadbir awam sentiasa memantau, membuat susulan dan menyelaras kemajuan setiap projek pembangunan bagi memastikan ia berjalan lancar.

Perdana Menteri berkata, pengawasan dan pemantauan teliti adalah kunci untuk memastikan setiap projek berjaya disiapkan, sekali gus mengelak masalah menyebabkan rakyat merungut.

"Jangan selepas kita serahkan surat tawaran untuk sesuatu projek itu dilaksanakan, kita anggap semua berjalan baik tanpa perlu kita beri perhatian atau ambil tahu."

**“***Jangan selepas kita serahkan surat tawaran untuk sesuatu projek itu dilaksanakan, kita anggap semua berjalan baik tanpa perlu kita beri perhatian atau ambil tahu”*

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

"Kita kena ambil tahu apa berlaku, kita kena turun ke bawah untuk melihat apa sebenarnya berlaku," katanya pada majlis perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, pagi semalam.

Kecewa dengan laporan mengenai projek kerajaan bermasalah sejak kebelakangan ini, Perdana Menteri berkata, pelancaran sesuatu program harus dilihat sebagai permulaan yang mesti diikuti tindakan susulan.

"Kita mesti turun tengok adakah program baru dilancarkan itu berjalan seperti dirancang pada semua peringkat terutama apabila ia mahu dilaksanakan di seluruh negara," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, walaupun bilangan

projek bermasalah tidak banyak, ia tetap boleh dianggap sebagai kegagalan kerana menyekat rakyat daripada mendapat faedah daripada inisiatif dilaksanakan kerajaan.

"Sebarang rungutan rakyat berkaitan kelewatan projek atau rancangan untuk mereka mesti diberi perhatian secepat mungkin. Sebab itulah tindakan susulan dan pemeriksaan sangat penting," katanya.

Beliau menegaskan, tindakan diambil dengan kadar segera bagi menyelesaikan sesuatu masalah boleh mengelak daripada berlakunya projek terbengkalai atau bermasalah.

Katanya, pentadbir awam kini boleh memantau perkembangan sesuatu projek atau program dengan lebih mudah menerusi penggunaan sistem

komputer yang dilengkapi pelbagai perisian canggih.

Abdullah juga mahu kontraktor gagal menyiapkan projek menilai semula masalah mereka sama ada ia berpunca daripada kemampuan, kecuaiian, kewangan, kekurangan pekerja atau mendapat terlalu banyak projek.

"Saya rasa masalah kontraktor mendapat terlalu banyak projek tak berlaku, (walaupun) mungkin ada. Kalau ada, ini akan menjadi masalah yang seterusnya membawa masalah kepada semua pihak," katanya.

Beliau berkata, semua pegawai dan kakitangan kerajaan perlu mengingatkan diri mereka bahawa sesuatu projek dan program hanya dianggap berjaya apabila rakyat dan semua terbabit menikmati manfaatnya.